

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

09 June 2017

PANDANGAN RINGKAS MSWG TENTANG PERKEMBANGAN KORPORAT SEMASA

FELDA GLOBAL VENTURES HOLDINGS BERHAD (“FGV”)

Lembaga Pengarah Felda Global Ventures Holdings Berhad (“FGV”) mengumumkan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan FGV telah diarahkan bercuti bermula dari 6 Jun 2017 sementara menunggu penyiasatan urus niaga tertentu dalam Delima Oil Products Sdn Bhd, sebuah anak syarikat FGV.

FGV akan meneruskan perniagaan seperti biasa. Sementara itu, sebuah Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah, yang terdiri daripada dua (2) Pengarah FGV, YBhg. Dato’ Dr Omar Salim dan YBhg. Dato’ Mohd Zafer Mohd Hashim, bersama-sama En. Azman Ahmad, Ketua Kluster Logistik akan mengambil alih tanggungjawab menyandang tugas Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Lembaga Pengarah juga telah melantik Pn. Aznur Kama Azmir, Pengawal Kewangan Kumpulan, Sektor Perladangan sebagai Ketua Pegawai Kewangan interim Kumpulan.

Pengumuman lanjut akan dibuat sekiranya ada perkembangan terbaru tentang perkara ini.

[Sumber: Pengumuman FGV di laman web Bursa Malaysia pada 6 Jun 2017]

KOMEN MSWG:

Berita penggantungan tugas empat eksekutif kanan FGV, termasuk Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan sementara menunggu siasatan ke atas urus niaga tertentu sememangnya mengejutkan. Pasaran bertindak balas secara negatif menyebabkan harga saham FGV merudum 6.36% ketika pasaran ditutup pada 6 Jun 2017. Firma Penyelidikan bertindak balas dengan menurunkan gred Syarikat.

Seperti yang dilaporkan, siasatan kini dijalankan oleh Jawatankuasa Audit Dalaman FGV. Laporan juga menyatakan Pejabat Perdana Menteri telah melantik Datuk Seri Idris Jala sebagai pihak bebas untuk menetapkan fakta kes itu. Pada pandangan kami, siasatan ini juga perlu melibatkan perunding bebas luar bukan kerajaan.

Kami ingin menekankan sekali lagi pandangan agar syarikat tersenarai awam tidak melantik ahli politik yang sedang berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah demi mengelakkan sindiran yang tidak perlu. Agenda politik tidak boleh wujud dalam syarikat tersenarai awam.

Kami berharap siasatan akan dijalankan secara adil, saksama dan telus. Ia juga perlu dilaksanakan dengan kadar segera dan memuaskan kerana FGV merupakan pemain perladangan di tahap global yang mana melibatkan pihak-pihak berkepentingan di seluruh dunia.

PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD (“Puncak”)

Cadangan pengambilalihan keseluruhan modal diterbitkan dan berbayar Danum Sinar Sdn Bhd oleh Danau Semesta Sdn Bhd (DSSB, Pembeli), sebuah anak syarikat Puncak.

(Merujuk pengumuman bertarikh 17 Oktober 2016 dan 17 April 2017 berhubung Cadangan Pengambilalihan)

Syarikat mengumumkan DSSB (Pembeli) dan Shin Yang Holding Sdn Bhd (SYHSB) (Penjual) telah menandatangani Perjanjian Jual Beli (SPA) tambahan kedua untuk meminda dan mengubah syarat-syarat SPA yang mana Harga Pembelian untuk 100% kepentingan ekuiti dalam Danum Sinar telah dikurangkan daripada RM446,505,690.45 kepada RM276,587,523.65. Harga Pembelian RM276,587,523.65 yang disemak semula ini adalah berdasarkan persetujuan antara penjual dan pembeli serta berdasarkan nilai Tanah yang disemak semula iaitu RM604,370,399.85 (sebelum ini RM735,102,114.25) ditolak liabiliti Danum Sinar dalam penyata kewangan pengurusan pada 31 Mac 2017 berjumlah RM327,782,876.20. Harga Pembelian ini tertakluk pada pelarasan menurut peruntukan dalam SPA.

[Sumber: Pengumuman Puncak di laman web Bursa Malaysia pada 5 Jun 2017]

KOMEN MSWG:

Kami memahami para pemegang saham Puncak umumnya berasa gembira melihat Harga Belian bagi 100% kepentingan ekuiti dalam Danum Sinar dikurangkan dengan ketara daripada RM446,505,690.45 kepada RM276,587,523.65 dan nilai tanah berkenaan disemak semula daripada RM735,102,114.25 kepada RM604,370,399.85. Soalan yang ingin kami ajukan, antara lain, adalah:-

- i. Mengapa Jurunilai Bebas dilantik selepas lebih enam bulan dari tarikh SPA pertama?
- ii. Walaupun nilai pasaran tanah dibuat berdasarkan laporan Penilai Bebas bertarikh 26 Mei 2017 iaitu RM800,000,000, kira-kira 9% lebih tinggi daripada nilai asal yang dinyatakan dalam harga pembelian SPA pertama iaitu RM735,102,114, vendor itu bersedia mengurangkan harga sebanyak 18% daripada RM735,102,114 kepada RM604,370,340. Apakah yang menyebabkan vendor bersetuju dengan harga belian yang disemak semula ini, iaitu kira-kira 25% lebih rendah daripada nilai pasaran tanah yang diberikan oleh Jurunilai Bebas?
- iii. Atas dasar apakah Lembaga Pengarah Puncak bersetuju dengan nilai asal RM735,102,114 apabila perjanjian jual beli pertama ditandatangani pada Oktober 2016?
- iv. Adakah sebarang usaha wajar dijalankan ke atas keadaan tanah, termasuk ujian tanah dan isu undang-undang? Jika ya, adakah Harga Belian yang lebih rendah ini disebabkan oleh apa-apa penemuan yang tidak menguntungkan daripada usaha wajar berkenaan?

TINJAUAN MINGGUAN AGM/ EGM MSWG UNTUK TEMPOH 12 HINGGA 17 JUN 2017

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh & Masa	Syarikat	Lokasi
---------------	----------	--------

13.06.17 (Selasa) 10.30 pagi	Kretam Holdings Bhd (AGM)	Lot 6, Block 44, Leboh Tiga, Sandakan, Sabah
14.06.17 (Rabu) 03.00 petang	Sunway Bhd (AGM)	Sunway Resort Hotel & Spa, Persiaran Lagoon, Bandar Sunway, Subang Jaya
15.06.17 (Khamis) 09.00 pagi	Mah Sing Group Bhd (AGM)	Wisma Mah Sing, No. 163, Jalan Sungai Besi, KL
15.06.17 (Khamis) 09.30 pagi	KNM Group Bhd (AGM)	Philea Mines Beach Resort, Jalan Dulang, MINES Resort City, Seri Kembangan, Selangor
15.06.17 (Khamis) 09.30 pagi	Astro Malaysia Holdings Bhd (AGM)	Connexion Conference & Event Centre at Nexus Bangsar South City, KL
15.06.17 (Khamis) 11.00 pagi	Amalgamated Industrial Steel Bhd (AGM)	Lot 11A, Jalan Utas 15/7, Section 15, Shah Alam
15.06.17 (Khamis) 02.00 petang	Petron M'sia Refining & Marketing Bhd (AGM)	Mandarin Oriental Kuala Lumpur, KLCC, KL
15.06.17 (Khamis) 02.30 petang	Mudajaya Group Bhd (AGM)	Menara Mudajaya, Mutiara Damansara, PJ

Perkara penting untuk diajukan:

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
Kretam Holdings Bhd (AGM)	<p>Kami mendapati hasil buah segar bertandan (FFB) dan minyak Kumpulan untuk tahun kewangan (TK)2015 dan TK2016 berada di bawah Purata MPOB Sabah.</p> <p>Selain fenomena El-Nino, apakah faktor lain yang menyumbang kepada hasil yang rendah yang dicatatkan oleh Kumpulan? Apakah langkah yang diambil untuk menambah baik hasil?</p>
Mah Sing Group Bhd (AGM)	<p>Jualan hartanah domestik Kumpulan sudah mencecah RM1.78 bilion. Projek yang dilancarkan pada 2016 merangkumi Menara C Lakeville Residences di Jalan Kuching, Tower A dan Tower B Cerrado Residential Suites, Southville City serta The Greenway dan The Eden (rumah teres dua tingkat di Meridin East, Johor).</p> <p>(a) Apakah kadar tempahan untuk projek yang dilancarkan pada TK2016?</p> <p>(b) Berapakah jumlah jualan yang belum dibilkan pada 31 Disember 2016?</p> <p>(c) Berapakah jumlah GDV projek yang akan dilancarkan pada TK2017?</p>
KNM Group Bhd (AGM)	<p>Kumpulan mengalami kerugian besar selepas cukai sebanyak RM333.1 juta pada TK2016 berbanding keuntungan selepas cukai berjumlah RM47.9 juta pada TK2015.</p> <p>Apakah prospek bagi TK2017 dan adakah Lembaga Pengarah menjangkakan Kumpulan untuk pulih dalam TK2017?</p>
Mudajaya Group Bhd (AGM)	<p>Di bawah Analisis dan Perbincangan Pengurusan (MD & A), Syarikat melaporkan dua pencapaian penting dalam segmen kuasa, iaitu (i) syarikat bersekutu 26% Kumpulan, RKM Powergen Private Limited di India sudah mencapai Tarikh Operasi Komersil ("COD") pada Mac 2016; dan (ii) Suruhanjaya Tenaga Malaysia menganugerahkan Kumpulan dengan projek</p>

	<p>Fotovolta Solar Berskala Besar 49 MW (“LSSPV”) di Perak bernilai RM270 juta pada Disember 2016.</p> <p>(a) Berapakah peruntukan perbelanjaan modal bagi segmen tenaga boleh dibaharui (“RE”) pada waktu yang sama dengan komitmen Kerajaan membangunkan industri tenaga hijau?</p> <p>(b) Bolehkah Lembaga Pengarah jelaskan sebab kepada bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu iaitu RKM dan PT Harmoni?</p> <p>(c) Mengapakah tiada pendedahan dibuat tentang prestasi syarikat bersekutu iaitu MMJV, MVSJ dan Amihan Energy Corporation bagi TK2016? Bolehkah Lembaga Pengarah terangkan secara ringkas tentang prestasi syarikat-syarikat bersekutu ini?</p>
--	---

PERKEMBANGAN TERKINI PASARAN MODAL DAN KAWAL SELIA

Draf pendedahan tentang Rahn

Bank Negara Malaysia (BNM) sedang membangunkan dasar pengawalseliaan berasaskan Syariah dengan objektif memberi panduan komprehensif kepada industri kewangan Islam dengan pematuhan Syariah hujung ke hujung sebagai sebahagian daripada objektif untuk mengukuhkan amalan pematuhan Syariah dalam kalangan institusi kewangan Islam (IFI).

Draf pendedahan ini menggariskan cadangan keperluan operasi BNM ke atas pengoperasian kontrak rahn (jaminan) yang berkaitan dengan tadbir urus dan pengawasan, penstrukturan, pengurusan risiko, pengendalian pasaran dan perniagaan serta pendedahan kewangan. Draf pendedahan ini juga menggariskan keperluan Syariah yang menonjolkan ciri-ciri penting dan amalan pilihan kontrak Syariah yang sah untuk memudahkan pemahaman kontrak rahn oleh IFI.

BNM mempelawa komen dan maklum balas bertulis di Bahagian C iaitu, keperluan operasi sesebuah kontrak rahn, termasuk cadangan untuk isu dan bidang tertentu yang memerlukan penjelasan atau huraian serta apa-apa cadangan alternatif yang perlu dipertimbangkan oleh BNM. Keperluan Syariah dalam Bahagian B berfungsi sebagai rujukan untuk memudahkan IFI dalam menyediakan maklum balas dan komen kepada aspek operasi rahn yang selaras dengan keperluan Syariah. Bagi memudahkan penilaian Bank, setiap komen perlu disokong dengan rasional yang jelas dan disertakan bukti atau ilustrasi yang bersesuaian.

Jawapan perlu sampai kepada BNM sebelum 15 Jun 2017. Untuk maklumat lanjut, sila layari:

http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_announcement&pg=en_announcement&ac=546&lang=en

PERKEMBANGAN DAN BERITA DALAM NEGARA

Retail association expects 4.5% growth in sales for 2017

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/06/08/retail-association-expects-45-growth-in-sales-for-2017/>

Malaysia to begin tourism tax on Aug 1

<http://www.straitstimes.com/asia/se-asia/malaysia-to-begin-tourism-tax-on-aug-1>

M'sian debt paper foreign holdings up for second month

<http://www.theedgemarkets.com/article/msian-debt-paper-foreign-holdings-second-month>

Higher foreign reserves at end-May

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/06/08/higher-foreign-reserves-at-endmay/>

Migration to PIN-enabled Payment Cards (PIN & PAY)

http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_announcement&pg=en_announcement&ac=547&lang=en

Malaysia April industrial output seen quickening to 4.8%

<http://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-april-industrial-output-seen-quickening-48-yy>

Palm oil drops on rising output, weaker export demand

<http://www.theedgemarkets.com/article/palm-oil-drops-rising-output-weaker-export-demand>

More multinational firms moving to M'sia from S'pore due to lower costs

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/06/07/more-multinational-firms-moving-to-malaysia-from-singapore-due-to-lower-costs/>

PERKEMBANGAN DAN BERITA LUAR NEGARA

Euro steady before ECB, pound near 2-week high ahead of UK vote

<http://www.theedgemarkets.com/article/euro-steady-ecb-pound-near-2week-high-ahead-uk-vote>

India to seek Malaysian expertise to modernise train stations

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/06/07/india-to-seek-malaysian-expertise-to-modernise-train-stations/>

Global growth headed for six-year high, says OECD

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/06/07/global-growth-headed-for-six-year-high-says-oecd/>

Australia economy ties record for longest expansion

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/06/07/australia-economy-ties-record-for-longest-expansion/>

Japan Display considers deeper restructuring, seeks more funding

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/06/07/japan-display-considers-deeper-restructuring/>

O&G sector momentum to pick up from second quarter 2017

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/06/07/oil-and-gas-sector-poised-for-growth/>

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, lyarahman@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat kinwing@mswg.org.my

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my
Muhammad Faris bin Mohamed Yusof, Penganalisa, Pemantauan Korporat farisyusof@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*
-

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.